

Pengenalan

Ini adalah panduan sebagai pengenalan bagi membantu anda memahami bagaimana takaful motor berfungsi. Ia memberikan beberapa maklumat asas supaya anda boleh bertanya soalan yang betul kepada pengendali takaful anda, memahami jawapannya dan membuat pilihan yang tepat sebelum menyertai mana-mana pelan takaful.

Apakah takaful motor?

Pelan takaful motor melindungi anda terhadap kerugian atau kerosakan kepada kenderaan anda sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan; dan/atau kecederaan tubuh badan atau kematian pihak ketiga, kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga. Perlindungan terhadap risiko pihak ketiga di Malaysia diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang untuk menggunakan atau membenarkan orang lain untuk menggunakan kenderaan bermotor tanpa perlindungan yang mencukupi.

Konsep takaful dalam takaful motor

Apabila anda menyertai pelan takaful motor, anda menyumbang sejumlah wang ke dalam dana takaful am dalam bentuk sumbangan penyertaan (tabarru'). Anda memeterai kontrak (aqad) untuk anda untuk menjadi salah seorang peserta yang bersetuju untuk saling membantu antara satu sama lain, sekiranya salah seorang peserta mengalami kerugian kerana kemalangan yang melibatkan kenderaannya.

Jenis perlindungan

Secara umumnya, terdapat tiga jenis perlindungan di bawah pelan takaful motor:

Pihak ketiga - Ini melindungi anda terhadap kematian pihak ketiga, kecederaan tubuh badan dan/atau kerosakan harta benda.

Kebakaran dan Kecurian Pihak Ketiga – Ini melindungi anda terhadap kematian pihak ketiga, kecederaan tubuh badan dan/atau kerosakan harta; serta kerugian dan/atau kerosakan kepada kenderaan anda akibat kebakaran yang tidak disengajakan.

Komprensif – Ini melindungi anda terhadap kematian pihak ketiga, kecederaan tubuh badan dan/atau kerosakan harta; serta kerugian dan/atau kerosakan kepada kenderaan anda akibat kebakaran yang tidak disengajakan.

Siapakah pihak ketiga?

Pihak ketiga adalah orang yang tercedera atau mengalami kerugian atau kerosakan yang terjadi akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan anda. Pihak ketiga mungkin pejalan kaki, pemandu atau penumpang di dalam kenderaan lain. Pihak pertama kepada pelan takaful motor adalah anda sebagai pemilik kenderaan dan pihak kedua adalah pengendali takaful.

Berapa jumlah yang perlu saya lindungi?

Pastikan jumlah perlindungan yang diambil di bawah sijil takaful motor menggambarkan nilai pasaran kenderaan anda, iaitu kos penggantian semula kenderaan dengan buatan, model dan keadaan yang serupa. Sekiranya jumlah perlindungan kurang daripada nilai pasaran, syarat purata akan diguna pakai apabila tuntutan dibuat. Syarat purata adalah satu penalti kerana kurang melindungi kenderaan anda. Kurang melindungi bermakna jumlah perlindungan pada masa kerugian adalah kurang dari nilai pasaran.

Contoh: Jumlah perlindungan ialah RM80,000 manakala nilai pasaran kenderaan ialah RM100,000 dan kerugian ialah RM5,000. Syarat purata akan dikira seperti berikut: Kenderaan kurang dilindungi sebanyak 20%. Pengendali takaful hanya akan melindungi sebanyak RM4,000 dan bukannya kerugian RM5,000. Anda perlu menanggung perbezaan RM1,000.

Apakah diskaun tanpa tuntutan (NCD)?

Ini boleh dianggap sebagai insentif kepada anda kerana tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh sebelum berakhirnya perlindungan takaful motor. Diskaun ini diberikan mengikut skala apabila anda memperbaharui sijil anda:

NCD boleh dipindah milik kepada syarikat pengendali takaful/ insurans lain atau kenderaan lain milik anda.

Membatalkan sijil anda

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis 14 hari kepada pengendali takaful. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik pro rata daripada sumbangan takaful sehingga tempoh belum tamat takaful. Apabila anda membatalkan sijil, anda mesti menyerahkan sijil motor dan sijil takaful kepada pengendali takaful. Anda perlu membuat

Lebih Akuan Berkanun sekiranya sijil takaful hilang atau musnah. Sijil akan menjadi tidak sah apabila kenderaan tersebut dijual kepada orang lain. Pemilik baru perlu menyertai perlindungan takaful baru.

Pengendali takaful boleh, seperti yang dinyatakan di dalam sijil mengenakan lebih kepada pelan takaful motor. Lebih adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum pengendali takaful membayar baki tuntutan anda. Dalam erti kata lain, jumlah lebih akan ditolak sebelum pembayaran tuntutan akhir. **Contoh:** Jika amaun lebih ialah RM1,000 dan jumlah tuntutan ialah RM1,500, pengendali takaful hanya akan membayar anda RM500.

Muatan

Pengendali takaful boleh mengenakan muatan pada sumbangan anda untuk memastikan bahawa jumlah yang dikenakan setimpal dengan risiko peserta. Faktor-faktor muatan yang paling biasa digunakan ialah umur anda, ciri-ciri pemandu buruk, kapasiti enjin, pengalaman tuntutan tertentu kenderaan anda dan kenderaan pulih semula.

Indemniti

Perlindungan takaful akan membayar kerugian anda dengan meletakkan anda ke kedudukan kewangan yang sama sebelum berlaku kerugian. Anda tidak boleh mendapat keuntungan daripada tuntutan takaful motor.

Pembaikan

Pembaikan berlaku apabila, semasa membaiki kenderaan yang rosak, alat lama diganti dengan yang baru. Sebagai contoh, jika bampar lama anda digantikan dengan yang baru, anda perlu menanggung perbezaan kos antara bampar lama dengan yang baru, selaras dengan prinsip indemniti. Ini kerana sumbangan anda kepada pelan takaful adalah berdasarkan jumlah yang dilindungi. Seterusnya, jumlah ini bergantung kepada nilai kenderaan anda, yang biasanya lebih rendah daripada yang baru.

Hilang guna

Jika anda terlibat dalam kemalangan dan anda membuat tuntutan pihak ketiga terhadap sijil atau polisi orang yang menyebabkannya, anda juga boleh membuat tuntutan bagi hilang guna kenderaan anda di bawah pembaikan. Hilang guna termasuk barang-barang seperti kos mengambil pengangkutan alternatif atau menyewa kenderaan gantian (dari jenis yang sama dan keupayaan enjin). Tempoh hilang guna adalah berdasarkan rekomendasi ajuster kerugian bebas akan bilangan hari yang diperlukan untuk kereta anda dibaiki. Pengendali takaful, mengikut budi bicara mereka sendiri, boleh membenarkan tempoh tambahan 7 hari bekerja bagi sebarang kelewatan yang tidak dapat dijangka atau dielakkan.

Pengecualian

Takaful motor tidak akan melindungi yang berikut:

- Kematian atau kecederaan anggota badan anda sendiri akibat kemalangan motor;
- Kerosakan kepada tayar kecuali kenderaan rosak pada masa yang sama;
- Kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kerosakan mekanikal atau elektronik, kegagalan atau kerugian barang pecah, kepincangan peralatan atau komputer;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku di luar kawasan geografi (Malaysia, Singapura dan Brunei);
- Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau kerana pecah amanah jenayah;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada bencana alam semula jadi, iaitu banjir, ribut atau tanah runtuh;

- Jika anda atau mana-mana orang yang diberi kebenaran, tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan tersebut;
- Jika anda atau pemandu yang dibenarkan, memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh kenderaan yang digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang;
- Jika kenderaan digunakan atau disediakan untuk mana-mana sukan atau pertandingan (selain acara mencari harta karun) atau apa-apa tujuan lain yang dinyatakan dalam perakuan itu.

Lanjutan

Dengan sumbangan tambahan, anda boleh melanjutkan pelan takaful motor biasa kepada perlindungan yang berikut:

- **Perlindungan liabiliti penumpang** – Tuntutan daripada penumpang kenderaan anda terhadap anda yang terjadi akibat kemalangan.
- **Konvulsi alam** – Apa-apa kemalangan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan banjir, taufan, ribut taufan, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah atau konvulsi semula jadi lain yang tidak termasuk secara khusus dalam takrif di bawah polisi motor.
- **Liabiliti sah penumpang atas perlakuan cuai** - Perlakuan cuai oleh penumpang yang menyebabkan kehilangan atau kerosakan kepada pihak ketiga. Contoh: Seorang penumpang membuka pintu kenderaan motor yang menyebabkan kecederaan kepada orang yang lalu yang mungkin pejalan kaki atau pemandu.
- **Pecah gelas di cermin depan atau tingkap** – Memecahkan cermin atau tingkap anda selain daripada berpunca daripada kemalangan.
- **Mogok dan kekecohan awam** – Situasi yang huru-hara akibat mogok atau kekecohan awam yang menyebabkan kerosakan kepada kenderaan anda.

Bagaimana saya membuat tuntutan?

Terlibat dalam kemalangan motor

Jika anda terlibat dalam kemalangan motor, peraturan am yang perlu anda lakukan ialah:

- Dapatkan butiran berikut berkaitan kemalangan seperti:
 - Nama dan alamat semua pemandu dan penumpang yang terlibat;
 - Nombor pendaftaran, buatan dan model setiap kereta yang terlibat;
 - Nombor lesen memandu pihak ketiga dan pengenalan takaful / insurans;
 - Nama dan alamat saksi seramai mungkin.
- Mengambil tindakan selamat untuk tidak memburukkan lagi keadaan, seperti memanggil polis / bomba dan melindungi bahagian yang tidak rosak.
- Membuat laporan polis dalam masa 24 jam selepas kemalangan.
- Memaklumkan pengendali takaful anda secepat yang mungkin diikuti dengan pemberitahuan secara bertulis.
- Menghantar semua dokumen sokongan bersama-sama dengan borang tuntutan yang lengkap dengan segera kepada pengendali takaful anda. Salinan berikut biasanya diperlukan:
 - Laporan polis yang dibuat
 - Kad pengenalan pemandu
 - Lesen pemandu
 - Kad pengenalan kenderaan
 - Cukai jalan

Tuntutan melibatkan kerosakan kenderaan anda

Jika anda mempunyai perlindungan komprehensif, anda boleh membuat tuntutan ke atas sijil takaful anda sendiri.

- Hantar kenderaan yang rosak ke bengkel yang diluluskan oleh pengendali takaful dan maklumkan pengendali takaful anda dengan segera. Semak dengan pengendali takaful anda untuk senarai bengkel yang diluluskan.
- Hantar Borang Laporan Kemalangan Motor yang lengkap bersama-sama dengan semua dokumen sokongan dengan segera kepada pengendali takaful anda.
- Bekerjasama sepenuhnya dengan ajuster atau penyiasat tuntutan takaful.
- Jangan mengarahkan pembaikan sehingga anda mendapat kebenaran bertulis daripada pengendali takaful anda.

Tuntutan melibatkan pihak ketiga

- Ikut arahan yang sama seperti di atas.
- Jangan buat sebarang pengakuan liabiliti kepada pihak ketiga dan/atau mana-mana pihak lain.
- Maklumkan pengendali takaful anda tentang tuntutan mana-mana pihak ketiga atau pihak ketiga yang berpotensi. Rujuk semua pihak ketiga dan/atau wakilnya kepada pengendali takaful anda berkenaan semua perkara.

Tuntutan sebagai pihak ketiga

- Maklumkan kepada pengendali takaful anda dan syarikat pengendali / insurans yang anda tuntutan.
- Ikuti arahan yang diberikan oleh pengendali takaful anda dan/atau pengendali takaful /syarikat insurans yang anda buat tuntutan, dan hantar semua dokumen sokongan bagi mempercepatkan pemprosesan tuntutan.

Tuntutan melibatkan kecurian kenderaan anda

- Buat laporan polis dengan segera.
- Maklumkan pengendali takaful anda menerusi telefon dalam masa 24 jam selepas anda sedar akan kecurian diikuti dengan penyerahan borang tuntutan secara bertulis.
- Ikut arahan yang diberikan oleh pengendali takaful anda dan bekerjasama sepenuhnya dengan mereka semasa penyiasatan tuntutan kecurian tersebut.

Buat dan Jangan Buat

Semasa memohon pelan takaful

Perlu	Jangan
<ul style="list-style-type: none"> • Isytihar semua fakta material mengenai risiko yang akan dilindungi. • Baca dan faham 'Notis Penting' di dalam Borang Cadangan. • Jawab semua soalan dengan lengkap dan tepat. • Lengkapkan dan tandatangan Borang Cadangan anda sendiri • Bayar sumbangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Biarkan soalan di dalam Borang Cadangan tidak dijawab • Gunakan tanda pangkah atau sempang untuk menjawab soalan yang memerlukan jawapan yang lengkap. • Rahsiakan atau beri gambaran yang salah mengenai fakta material. Sijil yang dikeluarkan akan menjadi tidak sah, bermakna tuntutan akan ditolak. • Ambil perlindungan terkurang, kerana anda akan dedenda melalui 'syarat purata' jika membuat tuntutan

Selepas kerugian atau kerosakan

Perlu	Jangan
<ul style="list-style-type: none"> • Maklumkan kepada pengendali takaful dengan segera. • Buat laporan polis. • Hantar semua writ atau tuntutan pihak ketiga dengan segera kepada pengendali takaful • Beri kerjasama dengan pengendali takaful dan pelaras kerugian • Hubungi pengendali takaful secara bertulis • Ambil langkah sewajarnya untuk mengelakkan kerugian atau kerosakan yang lebih teruk. 	<ul style="list-style-type: none"> • Buat pengakuan liabiliti, membayar atau berunding dengan pihak ketiga terhadap tuntutan. • Naikkan jumlah tuntutan dengan anggapan pengendali takaful akan mengurangkan jumlah tuntutan. Ia merupakan tanggapan yang salah dan mungkin akan mengakibatkan tuntutan anda ditolak. • Dedahkan kenderaan yang rosak kepada kerugian yang lebih teruk tanpa mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan keselamatan kenderaan tersebut.

Penafian: Produk ini adalah tertakluk kepada pengecualian oleh itu sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.